

Zurich Malaysia Lantik Pauline Teoh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Life Insurance Malaysia Berhad



KUALA LUMPUR, 28 Oktober 2024 – Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (ZLIMB) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Pauline Teoh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, berkuat kuasa 1 November 2024. Pauline membawa pengalaman lebih 25 tahun dalam industri insurans, setelah menjawat pelbagai jawatan kepimpinan kanan di beberapa institusi kewangan terkemuka di rantau Asia Pasifik (APAC).

Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia, Junior Cho berkata, “Kami dengan sukacitanya mengalu-alukan pelantikan Pauline sebagai CEO ZLIMB yang baru. Pengalaman luas, pengetahuan industri, dan kemahiran kepimpinannya yang tinggi menjadikan beliau sebagai individu yang paling sesuai untuk memacu perniagaan ZLIMB menerusi pertumbuhan, pempelbagaian, pemudahan dan inovasi. Pauline akan melapor kepada saya dan menjadi sebahagian daripada majlis kepimpinan kami selaras dengan pendekatan OneZurich di bawah Zurich Malaysia.”

“Komitmen Pauline terhadap penyampaian penyelesaian yang mengutamakan pelanggan selari dengan misi Zurich Malaysia untuk menyediakan produk insurans berinovatif, memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang sentiasa berubah. Kami yakin beliau akan memainkan peranan penting dalam memacu inisiatif yang akan meningkatkan lagi daya saing ZLIMB dalam sektor insurans.” tambah Cho.

Pauline merupakan seorang yang amat disegani dalam industri insurans, dengan rekod cemerlang dalam memacu pertumbuhan perniagaan, transformasi digital, pengurusan perkongsian, jualan dan pengedaran, serta pengurusan risiko kewangan. Pauline memiliki Ijazah Sarjana Muda Matematik, Sains Aktuari dan Ekonomi dari University of Waterloo, Kanada dan merupakan Fellow Persatuan Aktuari.

Pauline ketika mengulas mengenai pelantikan beliau berkata, “Saya berbesar hati kerana dilantik untuk menerajui ZLIMB dan berharap dapat menyumbang kepada kejayaan berterusan syarikat. Komitmen Zurich Malaysia terhadap inovasi dan mengutamakan pelanggan sememangnya selari dengan nilai saya sendiri, dan saya gembira kerana dapat bekerjasama dengan pasukan di sini untuk terus menyampaikan penyelesaian terbaik yang benar-benar melindungi segala perkara yang bermakna untuk rakyat Malaysia, sambil membina masa depan yang lebih cerah bersama.”

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai ZLIMB dan penawarannya, sila layari <https://www.zurich.com.my/>.

Siaran Media

28 October 2024



###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.